

18 JAN 1996

Chua - Pakar

RAMAI DOKTOR MALAYSIA DI LUAR NEGARA INGIN PULANG

SUNGAI PETANI, 18 Jan (Bernama) -- Sebilangan besar daripada lebih 1,000 pakar perubatan rakyat Malaysia yang berhijrah ke seberang laut berminat untuk kembali berkhidmat di tanah air, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, hari ini.

Beliau berkata perkembangan itu amat menggalakkan ketika negara sangat memerlukan perkhidmatan ramai pakar perubatan khususnya dari kalangan rakyat Malaysia yang berada di luar negara.

Sehubungan itu, Chua berkata beliau akan berbincang dengan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmud Taib, esok bagi merumus kaedah terbaik dan berkesan untuk menarik pakar-pakar perubatan itu pulang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan.

"Antara perkara yang akan dibangkitkan (pada perbincangan itu) ialah pemendekan tempoh pemprosesan permohonan dan kelayakan mereka sebelum diterima bekerja secara kontrak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hospital Pakar Metro, sebuah hospital swasta, di sini.

Chua berkata bahawa skim gaji dan tempoh pemprosesan yang kadang kala mengambil masa sehingga 15 bulan adalah antara faktor yang membantut minat pakar-pakar di luar negara untuk menerima tawaran bekerja di Malaysia.

Berdasarkan pengalaman, pakar-pakar perubatan berkenaan tidak sanggup menunggu terlalu lama bagi mendapatkan jawapan dari Kementerian Kesihatan, katanya.

Chua berkata kementerian dan SPA akan mencari jalan memudahkan prosedur pemprosesan itu termasuk doktor-doktor asing untuk berkhidmat secara kontrak kerana langkah segera perlu diambil bagi menentukan negara tidak terus kehilangan tenaga profesional itu kepada negara-negara lain.

Sebilangan besar doktor dan pakar perubatan rakyat negara ini sedang berkhidmat di Singapura, Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, Canada, Taiwan dan Jepun, katanya.

Beliau berkata pembangunan pesat yang dialami negara, kemudahan pendidikan dan kehidupan, ketertiban sosial dan keluarga adalah antara faktor yang mendorong mereka untuk kembali ke tanah air.

Usaha mendapatkan kembali kepakaran golongan itu adalah sejajar dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada tenaga kerja tempatan yang berhijrah ke luar negara supaya pulang berkhidmat di negara sendiri ketika Malaysia sedang menuju menjadi sebuah negara maju.

Ketika diminta mengulas dakwaan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) baru-baru ini kononnya Kementerian Kesihatan tidak menitik beratkan kebajikan penduduk dan pekerja ladang dalam penyediaan kemudahan rawatan dan kesihatan, Chua berkata bahawa tuduhan itu tidak berasas.

Beliau berkata MMA tahu bahawa Kementerian Kesihatan menyediakan kemudahan sewajarnya kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira sama ada mereka tinggal di ladang, luar bandar dan bekerja sebagai petani, nelayan mahupun pegawai di bandar besar.

MMA tidak patut membuat kenyataan yang mengelirukan dan ia perlu sedar bahawa Kementerian Kesihatan, sejak merdeka lagi, mengamalkan dasar "Pro Rakyat Miskin dan Pro Luar Bandar", katanya.

"Lihatlah, sekarang kita mempunyai lebih 3,000 klinik desa dan pasukan kesihatan dan bidan di seluruh negara," katanya sambil menambah bahawa laporan mengenai pekerja ladang menunjukkan 89 peratus daripada mereka menggunakan kemudahan klinik ibu mengandung dan kesihatan kanak-kanak kerajaan.

Malahan, laporan MMA juga menunjukkan 89 peratus penduduk di ladang-ladang menggunakan kemudahan itu, sebanyak 88 peratus ibu mengandung dari ladang-ladang bersalin di hospital kerajaan dan yang selebihnya bersalin di rumah dengan dibantu bidan-bidan kerajaan.

Terdahulu dalam ucapannya, Chua berkata Hospital Pakar Metro adalah antara 11 hospital swasta di Kedah dan 197 hospital swasta di seluruh negara.

Beliau berkata kerajaan menggalakkan penubuhan pusat perubatan swasta kerana ia membantu menyediakan kemudahan penjagaan kesihatan dan rawatan kepada rakyat.

Bagaimanapun, beliau menasihati hospital swasta supaya tidak mengambil kesempatan daripada permintaan rawatan yang meningkat untuk menaikkan kos rawatan.

"Adalah diharapkan hospital swasta dapat memberikan tumpuan dalam mengenakan kos yang berpatutan dan lebih bersesuaian dengan kumpulan masyarakat yang berpendapatan rendah," katanya. -- BERNAMA